

Kumpulan A  
tetap  
tidak boleh  
cergas  
dalam politik

BH, 23 AUG 1989

JITRA, Jsnin — Kerajaan tetap tidak akan membenarkan kakitangan Kumpulan A bergiat cergas dalam parti politik kerana tindakan itu akan menimbulkan kekecohan dalam perkhidmatan awam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pegawai kerajaan sepatutnya memberi tumpuan melaksanakan dasar kerajaan bagi kepentingan rakyat.

"Kalau kerajaan membenarkan pegawai berkenaan memegang jawatan dalam Umno, orang lain juga akan menyertai parti lain.

"Apabila sesuatu pejabat mempunyai pegawai yang berlainan parti, maka berlaku kekecohan hingga menjejaskan tugas jabatan awam," katanya mengulas desakan Pemuda Umno bahagian Alor Star, hari ini.

Pergerakan itu, dalam mesyuarat agungnya Jumaat lalu, meluluskan usul meminta kerajaan melonggarkan Perintah Am (Bab D) bagi membolehkan pegawai Kumpulan A bergiat cergas dalam politik kerana Umno memerlukan tenaga dan fikiran mereka.

Datuk Seri Dr Mahathir bagaimanapun berkata, kerajaan tidak menghalang kakitangan berkenaan menyertai politik kerana mereka masih boleh menjadi ahli dalam mana-mana parti.

"Kalau mereka hendak bergiat secara langsung, mereka hendaklah meletakkan jawatan. Perkara ini bukan tidak pernah terjadi, misalnya Datuk Sabbaruddin Chik dulu pegawai kerajaan, tetapi sekarang jadi menteri." ujarnya.

— Lihat muka 2 ruang 3

## Bahagian terima nasihat MT

Dari muka 1

Perdana Menteri berkata, kakitangan berkenaan mesti sanggup berkorban apabila hendak bergiat cergas dalam politik, seperti juga peniaga dan pihak lain.

Mengenai pemilihan Umno peringkat bahagian di seluruh negara, Perdana Menteri berkata, beliau berpuas hati kerana perjalanan mesyuarat pada keseluruhannya berjalan tenang.

"Saya gembira kerana pada umumnya bahagian menerima nasihat Majlis Tertinggi (MT) supaya mengelakkan pertandingan jawatan sehingga selepas pilihanraya umum," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri merasmikan mesyuarat agung Umno bahagian Kubang Pasu. Beliau mengekalkan jawatan ketua bahagian itu tanpa bertanding. Menteri Besar, Datuk Seri Haji Osman Aroff dan Ahli Exco Negeri, Haji Hanafi Ramli, juga mengekalkan jawatan timbalan dan naib ketua.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, tidak ada pertandingan merebut jawatan bukan bermakna Umno tidak demokratik atau membela-kangkan perlembagaan parti.

Sebaliknya, kata beliau, pemilihan semula pucuk pimpinan di peringkat bahagian tanpa bertanding adalah petanda baik ke arah mengukuhkan kekuatan dan perpaduan parti.

Beliau menasihatkan ahli supaya berwaspada kerana pihak tertentu di luar Umno ghairah 'mencucuk' pemimpin-pemimpin supaya bertanding untuk menimbulkan huru-hara dalam parti.

Perdana Menteri berkata, pihak berkenaan, yang bergelar Semangat 46, sebenarnya kecewa dan mempunyai niat untuk mengalahkan Umno kerana tidak mendapat kedudukan dalam parti dan kerajaan.

"Mereka sanggup bekerjasama dengan Pas dan DAP. sedanaikan kedua-dua parti itu adalah musuh Umno dan mustahil dapat membantu menghidupkan Umno lama," katanya.

Perdana Menteri juga menafikan dakwaan kononnya Semangat 46 didaftarkan 11 Mei lalu, iaitu tarikh uenubuhan Umno lama.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Umno sekarang semakin kukuh dan mempunyai ahli yang lebih ramai, iaitu mencapai 1.3 juta orang.

"Angka itu tepat kerana sekarang kita menggunakan komputer untuk mendaftar ahli dan jumlah itu akan bertambah berikutan sokongan padu orang Melayu," katanya.

Menurutnya, ahli Umno juga akan diberi kursus mengenai dasar dan sejarah perjuangan parti bagi meningkatkan kematangan ahli dalam politik.